

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



MENINGOKOKAL MENINGITIS; PENYAKIT YANG MENGANCAM NYAWA KANAK-KANAK

Nor Hafeeda Rosdan

Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

hafeeda0480@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MU'ADZ AHMAD MAZIAN

Demam panas yang sangat tinggi, sakit kepala, ketegangan leher, sensitif atau silau teruk pada cahaya, sawan, perubahan kelakuan seperti meragam yang tidak boleh dipujuk atau menjadi lemah (tidak responsif) serta jangkitan radang paru-paru seperti batuk teruk adalah antara simptom - simptom yang boleh berlaku pada kanak-kanak dua tahun keatas jika mendapat jangkitan meningokokal meningitis. Simptom - simptom ini adalah simptom yang agak sama seperti yang berlaku jika terkena jangkitan seperti selsema atau batuk. Penyakit ini juga tidak mudah didiagnos oleh doktor kerana ianya seperti penyakit-penyakit lain. Penyakit ini juga boleh menjangkiti kanak-kanak dan bayi kerana sistem imun mereka yang masih belum matang sepenuhnya.


Bagi bayi, simptom klasik meningitis seperti demam, sakit kepala, kekejangan leher mungkin tidak muncul atau sukar dikesan. Bayi mungkin kelihatan lesu atau tidak aktif, meragam, muntah atau tidak makan dengan baik

Doktor mungkin akan melihat kepada benjolan kepala (kawasan lembut pada kepala bayi) atau refleks tidak normal, juga merupakan tanda-tanda meningitis.

Oleh itu, ibu-bapa seharusnya mengambil-tahu terhadap penyakit meningitis meningokokal yang boleh berlaku pada kanak-kanak dan juga bayi. Penyakit ini boleh

menjangkiti orang yang berdekatan termasuk remaja dan dewasa. Penyakit ini juga boleh menjangkiti dengan sangat pantas, jika tidak dirawat seawal yang mungkin, boleh menyebabkan kematian. Penyakit ini mempunyai kadar kematian yang sangat tinggi manakala yang berjaya sembuh boleh mendapat masalah neurologi yang berkekalan. Hampir 20% dari pesakit yang sembuh akan mendapat masalah hilang upaya seperti masalah pendengaran dan penglihatan, kesukaran untuk belajar dan hilang jari tangan atau kaki. Sekira terdapat tanda-tanda dan gejala penyakit, ibu bapa perlu segera membawa anak-anak mereka ke hospital agar dapat mendapat rawatan segera..

Di Malaysia, penyakit ini jarang didengari. Bukan bermaksud tiada kes, tetapi mungkin tidak



Source: IHME

Filters Selected:

Age Range:

Neonatal 1 to 59 Months 5 to 14 15 to 29 30 to 69 70 +

Disease:

Meningitis

Cause:

Meningococcal meningitis

Gambar 1: Jumlah bilangan kes meningokokal meningitis dan kes kematian melibatkan meningokokal meningitis di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2020

(Sumber: Meningitis Research Foundation)



Gambar 2: Bakteria *Neisseria meningitidis* penyebab penyakit meningokokal meningitis


didiagnos ataupun telah pun dirawat atau telah menyebabkan kematian. Jadi pengenalpastian bakteria penyebab penyakit ini tidak diteruskan. Sukar juga untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini terhadap kes-kes meningitis meningokokal di Malaysia. Sehingga tahun 2020, terdapat hampir 300 kes meningokokal meningitis di Malaysia dengan kes kematian sebanyak 30.

Penyakit ini disebabkan oleh bakteria *Neisseria meningitidis*. Spesies *Neisseria* adalah normal flora yang hidup di nasofarink manusia. Antara species *Neisseria* yang boleh menyebabkan jangkitan ialah *N. meningitidis* dan *N. gonorrhoea*. Jangkitan berlaku apabila *N. meningitidis* memasuki salur darah dan memasuki bahagian halangan darah otak dan menjangkiti saluran luar otak (meninges) serta menyebabkan meningitis. Meningitis adalah satu penyakit melibatkan keradangan pada selaput otak dan saraf tunjang. Manakala *N. gonorrhoea* pula boleh menyebabkan jangkitan kelamin.

Penyakit meningitis berjangkit secara langsung melalui titisan rembesan salur pernafasan dari hidung dan tekak orang yang dijangkiti. Terdapat 5 ke 10% pembawa penyakit tidak menunjukkan sebarang komplikasi. Pembawa boleh membawa penyakit ini dan menjangkiti orang yang disekelilingnya terutama kanak-kanak dan bayi.

Pelancong-pelancong terutamanya dari African "meningitis belt" juga negara-negara yang bersuhu sederhana dan sejuk serta jemaah-jemaah yang menunaikan umrah dan haji boleh membawa penyakit ini.

Penyakit ini juga boleh menyebabkan berlakunya wabak setempat terutamanya tempat yang penuh dan padat seperti kem-kem askar, penjara dan asrama. Pada tahun 2014, terdapat 1 kes yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melibatkan seorang lelaki Cina warga Malaysia berusia 43 tahun, yang merupakan salah seorang tahanan di Penjara Reman, Johor disahkan dijangkiti meningococcal meningitis. Terdapat juga tahanan lain yang bergelaja dan memerlukan rawatan hospital. Tindakan pantas Kementerian Kesihatan Malaysia melakukan



Gambar 3: Meningitis adalah radang otak yang disebabkan oleh bakteria yang menembusi darah otak dan menjangkiti meninges (Sumber: Laman Web Positive Parenting)

penyahjangkitan dan pemberian chemoprophylaxis dapat menghalang penyebaran penyakit ini.

Penyakit meningococcal meningitis boleh dirawat dengan antibiotik Penisilin. Antibiotik lain seperti Ampisillin dan Chloramphenicol juga berkesan. Terdapat juga vaksin yang boleh mencegah penyakit ini. Satu dos vaksin tetravalen yang mengandungi polisakarida kapsul untuk sero-kumpulan A, C, Y, dan W135 disarankan untuk mencegah meningococcal meningitis. Tempoh imuniti adalah berbeza

bagi setiap orang tetapi disarankan mengambil dos ulangan pada setiap dua tahun.

Vaksin untuk sero-kumpulan B pula masih belum dibawa masuk ke Malaysia oleh kerana kebanyakan jangkitan di Malaysia melibatkan serogroup A,C,W and Y berdasarkan kajian epidemiologi.

Di Malaysia, vaksin meningokokal meningitis tidak dimasukkan kedalam agenda Negara dan tidak diberikan secara meluas kepada bayi dan kanak-kanak. Bagaimanapun vaksin ini disyorkan diberi kepada

pelancong dan pelawat yang pergi ke kawasan endemik seperti negara-negara Afrika, Amerika Selatan dan Asia Tengah termasuk Arab Saudi bagi mereka yang mengerjakan haji dan umrah.

Rujukan



“Penyakit meningitis berjangkit secara langsung melalui titisan rembesan salur pernafasan dari hidung dan tekak orang yang dijangkiti. Terdapat 5 ke 10% pembawa penyakit tidak menunjukkan sebarang komplikasi. Pembawa boleh membawa penyakit ini dan menjakiti orang yang sekelilingnya terutama kanak-kanak dan bayi.”